

Socioeconomic Class And Self Concept Variables (Part 3)

Norrafidah Binti Wahid

2.3 PERBEZAAN KELAS SOSIAL DALAM NILAI DAN CARA HIDUP

Kanak-kanak daripada kelas sosial bawahan hidup dalam dunia yang berbeza daripada kanak-kanak golongan kelas sosial atasan atau pertengahan. Ini adalah kerana wujudnya perbezaan dari segi sikap, nilai dan cara hidup mereka.

Menurut Shafer(1985) mengemukakan pendapat bahawa perbezaan antara individu daripada golongan kelas pertengahan dan bawahan bersifat ekonomi. Kebanyakkannya ibubapa daripada golongan status sosioekonomi (SES) bawahan tidak berupaya membeli kemudahan untuk anak mereka seperti computer atau mengatasi masalah seperti kemalangan, penyakit dan kehilangan pekerjaan. Mereka mudah berputus asa, kecewa dan mempunyai jangkaan yang lebih rendah terhadap anak mereka. Sebagai contoh, ibubapa daripada golongan kelas sosial bawahan tidak menaruh harapan anak-anak mereka akan beroleh kecemerlangan dalam akademik sebagaimana ibubapa daripada kalangan kelas sosial atasan atau pertengahan meskipun anak-anak daripada golongan status sosioekonomi bawahan berpotensi untuk cemerlang di dalam pembelajaran seterusnya berjaya dalam kehidupan mereka.

Selain daripada itu, kanak-kanak dari golongan status sosioekonomi atasan dijangkakan mendapat gred yang cemerlang di sekolah, melanjutkan pelajaran ke universiti dan menjawat jawatan yang tinggi dalam masyarakat. Ibubapa daripada kelas sosioekonomi bawahan kurang menegaskan kepentingan melanjutkan pelajaran ke universiti kepada anak-anak mereka. Mereka lebih mengharapkan anak-anak akan mencari pekerjaan yang tetap tanpa memikirkan nilai atau baik buruknya pekerjaan tersebut tetapi yang paling utama ianya boleh menjadi punca pendapatan mereka sekeluarga.

Oleh kerana pendapatan individu daripada kelas sosioekonomi bawahan terlalu rendah, ahli keluarga amat berhati-hati tentang perbelanjaan dan ada kalanya wang menjadi punca perselisihan faham antara ibu dan ayah. Justeru itu, tekanan yang timbul dari masalah keluarga mengakibatkan ibubapa kurang menunjukkan perhatian terhadap anak mereka. Sebaliknya ibubapa lebih kerap mendenda anak mereka sekiranya anak-anak tidak mematuhi kata-kata mereka.

Oleh yang demikian, nyatalah bahawa ibubapa dari golongan sosioekonomi rendah sukar memberikan perhatian maksimum terhadap mempertingkatkan potensi anak mereka dalam akademik. Sekiranya dibuat perbandingan pola-pola pemeliharaan kanak-kanak antara golongan kelas sosioekonomi tinggi dengan golongan kelas sosioekonomi rendah, terdapat perbezaan antara kedua-duanya.

Menurut Eleanor(1980) menyatakan dapatan kajiannya seperti berikut:

- a. Ibubapa golongan SES rendah lebih menegaskan anak mereka supaya patuh dan hormat pada undang-undang dan kebersihan. Manakala ibubapa golongan SES tinggi lebih menekankan kebahagiaan, perasaan ingin tahu, berdikari, kreativiti dan disiplin kendiri.
- b. Ibubapa golongan SES rendah lebih restriktif dan autoritarian. Bagi ibubapa daripada golongan SES tinggi lebih permisif dan lebih menggunakan konteks disiplin yang induktif.
- c. Ibubapa golongan SES tinggi lebih banyak berbual dengan anak mereka dan menggunakan bahasa yang lebih kompleks daripada ibubapa golongan SES rendah.
- d. Ibubapa daripada golongan SES tinggi lebih banyak menunjukkan kemesraan dan kasih saying kepada anak mereka.

Walau bagaimanapun, pola-pola pemeliharaan kanak-kanak yang didapati di Barat perlu dikaji sama ada ianya wujud di Malaysia atau sebaliknya. Sebenarnya suatu pendekatan pemeliharaan kanak-kanak ditentukan oleh keunikan budaya sesuatu kumpulan di tempat tertentu.

Continue...